



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ISMAIL BIN KADIR  
PELUKIS**

**OLEH:**

<b>AISYAH RADHIAH BINTI MOHAMAD AZRI</b>	<b>2020852818</b>
<b>NUR RATIHAIH BINTI RAMZI</b>	<b>2020602174</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ISMAIL BIN KADIR  
PELUKIS

OLEH:

AISYAH RADHIAH BINTI MOHAMAD AZRI	2020852818
NUR RATIHAIH BINTI RAMZI	2020602174

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan KurniaNya, kami telah berjaya menyempurnakan tugas bagi subjek "Oral Documentation (IMR604)" iaitu Projek Sejarah Lisan. Dalam proses menyiapkan tugas ini, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum mahupun selepas sei temu bual bersama tokoh. Namun begitu, kami berjaya mengatasi semua masalah tersebut dengan baik kerana ia merupakan salah satu pengalaman yang amat berharga buat kami sebagai seorang pelajar. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana memberi ruang dan peluang untuk kami melangkah ke depan bagi menjayakan projek yang penuh bermakna ini. Berkat tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau, kami telah berjaya menyelesaikan projek ini dengan jayanya. Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Ismail Bin Kadir kerana sudi meluangkan masa bersama kami dengan berkongsi tentang perjalanan beliau menjadi anak seni dalam bidang lukisan terutamanya lukisan catan di Kelantan. Kami yakin dan percaya, pengalaman beliau yang penuh onak duri dan kejayaan yang diperolehi mampu dijadikan inspirasi kepada masyarakat dan generasi muda di luar sana. Bukan itu sahaja, ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga kami yang banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral kepada kami bagi menjayakan tugas ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dengan berkongsi pendapat mengenai Projek Sejarah Lisan ini. Kami mengakui bahawa dua pihak ini memberikan kesan yang cukup besar kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Akhirnya, kami sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini. Sesungguhnya, kami dengan tulus dan ikhlasnya menghargai semua pengorbanan yang telah diberikan sepanjang projek ini dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>I</b>
<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>II</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>III</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>V</b>
<b>SENARAI ABBREVIASI.....</b>	<b>VII</b>
<b>RUJUKAN KATA.....</b>	<b>VIII</b>
<b>BIODATA PENEMUBUA.....</b>	<b>IX</b>
<b>BIODATA PENEMUBUAL 1.....</b>	<b>X</b>
<b>BIODATA PENEMUBUAL 2.....</b>	<b>XI</b>
<b>BIODATA TOKOH.....</b>	<b>XII</b>
<b>PENGENALAN.....</b>	<b>XIV</b>
<b>PENGENALAN.....</b>	<b>XV</b>
<b>PERMASALAHAN KAJIAN.....</b>	<b>XVI</b>
<b>OBJEKTIF KAJIAN.....</b>	<b>XVII</b>
<b>PERSOALAN KAJIAN.....</b>	<b>XVII</b>
<b>KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN.....</b>	<b>XVII</b>
<b>TINJAUAN LITERATUR.....</b>	<b>XVIII</b>
<b>METODOLOGI.....</b>	<b>XXII</b>
<b>TRANSKRIP.....</b>	<b>1</b>
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG.....</b>	<b>3</b>
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN.....</b>	<b>6</b>
<b>BAHAGIAN 3: KERJAYA.....</b>	<b>8</b>
<b>BAHAGIAN 4: MENGENAI BIDANG SENI.....</b>	<b>11</b>
<b>BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN DALAM SENI.....</b>	<b>18</b>

BAHAGIAN 5: SUMBANGAN/ ANUGERAH .....	25
BAHAGIAN 6: SUMBANGAN/ ANUGERAH .....	27
BAHAGIAN 7: HARAPAN .....	29
<b>LOG WAWANCARA .....</b>	<b>31</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>38</b>
LAMPIRAN 1 – DIARY KAJIAN .....	39
LAMPIRAN 2 – SENARAI SOALAN .....	40
LAMPIRAN 3 – SURAT PERJANJIAN .....	48
LAMPIRAN 4 – PENEMUBUAL BERSAMA ENCIK ISMAIL KADIR .....	49
LAMPIRAN 5 – PENGALAMAN-PENGALAMAN TOKOH DALAM BIDANG SENI.....	50
LAMPIRAN 6 – AKTIVITI/ PAMERAN/ SUMBANGAN TOKOH DALAM SENI .....	51
LAMPIRAN 8 – GAMBAR SIJIL .....	62
LAMPIRAN 9 – HASIL LUKISAN TOKOH .....	64
<b>GLOSARI.....</b>	<b>67</b>
<b>INDEKS .....</b>	<b>70</b>
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>74</b>

# **ABSTRAK**



## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini melibatkan seorang tokoh catan air iaitu, Encik Ismail Bin Kadir dan dua orang pelajar iaitu Aisyah Radhiah Binti Mohamad Azri dan Nur Ratihah binti Ramzi. Temubual ini adalah untuk memenuhi tugas bagi subjek IMR604 iaitu pendokumentasian sejarah lisan. Encik Ismail Bin Kadir merupakan tokoh dalam bidang seni lukisan terutamanya medium cat air. Kajian ini menceritakan tentang latar belakang dan sejarah hidup seorang tokoh seni lukisan yang juga merupakan Yang Dipertua Persatuan Pelukis Kelantan (PESENI) iaitu Encik Ismail Bin Kadir. Beliau juga telah berkecimpung dalam bidang seni lukisan ini selama 39 tahun. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendokumentasikan kisah hidup dan pengalaman seorang tokoh seni lukisan. Selain itu, tujuan kajian ini dijalankan juga adalah untuk memberi pengetahuan kepada generasi muda tentang jasa dan sumbangan Encik Ismail Bin Kadir dalam seni lukisan ini. Akhir sekali, kajian ini juga mengenai perkongsian pendapat serta harapan kepada anak-anak muda yang berminat untuk menceburi diri dalam bidang seni lukisan ini supaya menjadi pemangkin semangat kepada mereka .*

**Kata kunci:** *Encik Ismail Bin Kadir, sejarah lisan, temubual, tokoh catan air, seni lukisan cat air.*

## ABSTRACT

*Abstract: Mr. Ismail Bin Kadir, a watercolour artist, and Aisyah Radhiah Binti Mohamad Azri and Nur Ratihah Binti Ramzi, two students, are the subjects of this interview. This interview is required as part of the oral history documentation project for the IMR604 course. He is well-known in the field of painting, particularly in the watercolour style. This investigation explores the early years and life of a famous painter who also serves as Yang Dipertua Persatuan Pelukis Kelantan (PESENI). He has spent 39 years mastering the art of painting. As a result, the objective of this study was to record the life history and experiences of a representative figure in the field of painting. Encik Ismail Bin Kadir's services and achievements to the field of painting are another goal of this study, as is educating the next generation about him. Finally, this study also aims to inspire young people interested in pursuing the art of painting by sharing thoughts and aspirations with them.*

*Keyword: oral history, interviews, watercolour figures, the art of watercolour painting*

## SENARAI ABREVIASI

AJK	Ahli Jawatan Kuasa
AWS	American Watercolor Society
Gap's	Gabungan persatuan Pelukis Se Malaysia
KASTAM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
KB	Kota Bharu
KL	Kuala Lumpur
METRO	Surat Khabar Harian Metro
PESENI	Persatuan Seni Lukis Kelantan
SIC	Sultan Ismail College
SMR	Sekolah Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
USM	Universiti Sains Malaysia
YDP	Yang Di-Pertua

## RUJUKAN KATA

Anak Pero	Anak Yang Dijaga
Dah	Sudah
Dah	Susah
Diorang	Mereka
Dok	Di
Gitu	Begitu
Hok	Yang
Ni	Ini
Payah	Susah
Sor	Satu
Tak	Tidak
Takdak	Tiada
Tea beng	Tea ais
Tu	Itu

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama: Nur Ratihah Binti Ramzi

Tarikh Lahir:

Tempat Lahir: Kedah.

Alamat: Kedah.

Nombor Telefon:

Emel: r

Program Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

## BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama: Aisyah Radhiah Binti Mohamad Azri

Tarikh Lahir:

Tempat Lahir: Kelantan

Alamat: , Kelantan

Nombor Telefon:

Emel:

Program Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

# **BIODATA TOKOH**



## BIODATA TOKOH



Nama: Ismail Bin Abdul Kadir

Umur:

Tarikh Lahir:

Tempat Lahir: Kota Bharu, Kelantan

Nombor Telefon:

Emel:

Blog: Bharu, Kelantan

Alamat: Pelukis

Kerjaya: Islah English School

Pendidikan: Sekolah Menengah Rendah Kota Bharu

Kolej Sultan Ismail

Tingkatan 6 di UiTM

Universiti Sains Malaysia (Seni Kreatif)

Yang Di-Pertua Persatuan Seni Lukis Kelantan atau PESENI

Jawatan:

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Menurut kamus dewan bahasa dan pustaka edisi ketiga, (1997), seni membawa maksud halus iaitu kecil, elok, tipis dan halus, enak didengar iaitu mengenai suara, comel bentuk badan. Selain itu seni juga membawa maksud karya termasuk sajak, lukisan, muzik dan lain-lain lagi yang dicipta dengan bakat atau kecekapan dan hasil daripada sesuatu ciptaan. Manakala, seni dari segi bahasa membawa maksud perihal yang berkaitan dengan kebolehan seseorang mencipta sesuatu karya seni yang mempunyai unsur-unsur keindahan, kecomelan, kehalusan dan sebagainya. Seni mempunyai pelbagai cabang antaranya muzik, lakon, jarum, bina, bahasa, fesyen, tutur, gerak, badan, tari, ukir, silat, pahat, and suara. Pelbagai jenis seni seperti sajak, lirik lagu, lukisan, muzik, drama, filem, novel, animasi, ukiran dan sebagainya dapat dihasilkan melalui penciptaan karya seni.

Sejarah seni lukis di Malaysia telah bermula sekian lama. Sejarah seni lukisan boleh dilihat melalui masyarakat tempatan dari sudut. Kehidupan masyarakat Melayu dahulu penuh dengan ajaran seni serta acara seni. Masyarakat Melayu terdahulu juga hidup dengan bahasa kiasan yang menghasilkan banyak seni bahasa seperti sajak dan pantun. Masyarakat Melayu dahulu juga mempunyai asas seni lakon, muzik dan tari. Hal ini kerana cara kehidupan masyarakat Melayu yang sering bermain alat musik tradisional seperti rebana, gambus, gamelan, gong dan lain-lain untuk mengisi masa lapang mereka. Seni tarian seperti tarian inang, joget dan zapin telah terhasil melalui penghasilan muzik-muzik ini. Dari seni lakonan pula, masyarakat Melayu memang sinonim dengan cerita-cerita rakyat yang penuh dengan pengajaran.

Selain itu, di Malaysia, perkembangan seni halus berlaku secara berperingkat-peringkat berkaitan dengan lukisan, catan, cetakan dan arca. Melalui bidang seni halus ini, pelukis dapat meluahkan rasa hati untuk disampaikan kepada audiens. Lukisan merupakan satu teknik menggambar atau hasil kerja seni yang dibuat untuk meluahkan perasaan berbentuk imej dengan menggunakan media kering atau menggunakan warna yang minimum. Pusat Seni di Universiti Sains Malaysia telah ditubuhkan bagi melahirkan guru-guru

pemegang ijazah bagi institut, maktab dan sekolah-sekolah serta para profesional yang lebih maju dan mahir dalam bidang seni halus pada tahun 1984. USM menawarkan kursus Seni halus bagi Catan, Fotografi, Teori-teori Seni, Seni Arca, Rekabentuk Grafik, Aspek-aspek Seni Asia Tradisional, Aspek-aspek Keseniaan Asia Moden dan latihan Ilmiah. USM juga menawarkan kursus Master of Art dalam Sejarah Seni Lukis.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tentang latar belakang dan sumbangan seniman yang memfokuskan kepada artis veteran iaitu Encik Ismail Bin Kadir yang merupakan seorang pelukis yang hebat dalam seni lukisan terutamanya dalam lukisan catan di tanah air. Beliau juga merupakan salah seorang graduan daripada Universiti Sains Malaysia dalam bidang Seni Kreatif. Kajian dibuat bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada generasi sekarang tentang latar belakang, jasa serta sumbangan Encik Ismail Bin Kadir dalam seni tanah air. Kajian ini juga dibuat untuk membuka mata generasi muda tentang kepentingan seni lukisan ini

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Isu yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah berkaitan dengan tokoh seni lukisan tanah air di Malaysia yang semakin terhakis disebabkan generasi kini sudah kurang berminat dengan seni lukisan. Proses globalisasi menyebabkan kegiatan seni semakin lesu. Kegiatan seni kini semakin tidak mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di negara ini. Banyak faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan tersebut. Antaranya, generasi muda pada hari ini tidak pernah diajar untuk menghargai betapa pentingnya seni lukisan ini. Hal ini kerana mereka menganggap bahawa seni lukis ini tidak memberi apa-apa kebaikan dan juga keuntungan kepada mereka. Sebahagian daripada mereka turut menganggap seni lukisan sudah tidak relevan dan ketinggalan zaman. Oleh itu, kajian lebih mendalam harus dilakukan untuk mengkaji lebih lanjut berkaitan tokoh seni lukisan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Berikut adalah objektif kajian dalam mengenal pasti kepribadian seniman Encik Ismail Bin Kadir dengan lebih mendalam serta sumbangan beliau dalam seni lukisan.

1. Mengkaji tentang latar belakang artis veteran iaitu Encik Ismail Bin Kadir.
2. Menganalisis tentang pengalaman Encik Ismail Bin Kadir dalam penghasilan lukisan.
3. Mengenalpasti sumbangan Encik Ismail Bin Kadir sepanjang berkecimpung dalam bidang seni lukisan.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Berbagai-bagai persoalan yang akan timbul berkaitan dengan kajian yang dibuat. Berikut adalah di antara persoalan kajian yang telah dikemukakan:

1. Siapakah artis veteran yang bernama Encik Ismail Bin Kadir?
2. Apakah pengalaman Encik Ismail Bin Kadir sepanjang lebih 39 tahun dalam dalam bidang seni lukisan?
3. Apakah sumbangan Encik Ismail Bin Kadir dalam bidang seni lukisan?

## **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Seni visual mampu menajamkan kepekaan dan pengamatan seseorang. Seseorang yang mendalami seni visual lebih peka dan dapat melakukan apresiasi dan kritikan seni dengan baik berbanding orang yang tidak mempelajari tentang seni. Kajian yang telah dijalankan telah memberi banyak kepentingan kepada masyarakat. Pertama sekali, untuk mengetahui serta menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan latar belakang seorang artis veteran yang bergiat aktif dalam bidang seni lukisan. Kajian mengenai latar belakang tokoh dalam bidang

seni lukisan telah dilakukan. Hasil daripada kajian ini dapat mengenali dengan lebih lanjut tentang artis veteran iaitu Encik Ismail Bin Kadir yang merupakan seorang pelukis tanah air.

Pada waktu yang sama, kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber bahan rujukan untuk mengetahui tentang kerjaya sebagai Pelukis perlu dipandang tinggi oleh masyarakat. Dengan adanya penulisan ini, penyelidik-penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai pengalaman serta sumbangan Encik Ismail Bin Kadir yang sudah berkecimpung dalam bidang seni lukisan lebih daripada 39 tahun. Kajian seperti ini lebih memudahkan pengguna dan penyelidik untuk mengetahui bidang seni lukisan kerana pelbagai kemahiran dapat diperolehi apabila seseorang mempelajari seni visual. Melalui seni visual, mesej yang hendak disampaikan dapat disampaikan melalui karya. Contohnya, karya yang mempunyai tema kemasyarakatan bagi menyampaikan mesej semangat kejiranan kepada masyarakat. Oleh itu, kajian ini mampu memberi manfaat kepada masyarakat untuk terus mengenali dan tidak melupakan artis veteran yang banyak memberi sumbangan kepada tanah air.

Selain itu, dapatan daripada penulisan kajian ini juga secara tidak langsung akan membuka lebih banyak ruang perbincangan seterusnya membantu untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan seni visual kepada lapisan masyarakat. Kepentingan seni visual haruslah disedari dengan lebih mendalam oleh rakyat Malaysia agar martabat seni tempatan mampu bersaing dengan luar. Pemikiran bahawa seni visual hanya untuk hobi atau tidak penting harus dibuang jauh-jauh. Seseorang individu seharusnya melihat kepentingan seni visual dari pelbagai aspek. Selain dari kebaikan kepada individu dalam melahirkan individu berkemahiran, kreatif, inovasi, mempunyai kesedaran estetik, dapat menajamkan kepekaan dan pengamatan, seni visual juga penting dalam pembangunan manusia sejak dahulu lagi.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Lukisan didefinisikan sebagai hasil kerja seni yang dibuat di atas sesuatu permukaan rata untuk meluahkan perasaan berbentuk imej dengan menggunakan media kering atau penggunaan warna yang paling sedikit. Terdapat pelbagai jenis lukisan dan medium yang digunakan dalam penghasilan sebuah karya lukisan. Seterusnya, seni Lukis ini mula berkembang melalui dari kegiatan menggambar yang diwujudkan melalui karya dua dimensi

iaitu kanvas atau media datar yang lain dari objek tiga dimensi. Lukisan merupakan hasil seni Lukis yang menampilkan nilai estetikanya yang tersendiri. Sesebuah lukisan yang dihasilkan haruslah dapat diterjemah isi yang tersirat di sebaliknya. Objek yang sering digunakan pakai untuk melukis seperti flora, fauna, manusia, alam, dan bangunan. Selain itu, ada juga lukisan yang menggunakan pendekatan seperti ungkapan ekspresif dari pelukis dalam bentuk *nonrepresentative* iaitu tidak menyerupai mana- mana objek.

Seni lukis atau catan melibatkan pembubuhan cat yakni pigmen pewarna terlarut dalam pelarut atau dikenali sebagai medium dan agen pengikat seperti gam kepada sesuatu permukaan sokongan seperti kertas, kanvas, atau dinding. Mereka yang bekerja dalam bidang ini disebut sebagai pelukis. Merujuk sejarah, manusia telah melukis selama enam kali lebih lama berbanding tulisan. Seterusnya, perkataan lukisan digunakan untuk memberi erti kepada lukisan gambar seterusnya dalam rencana ini. Lebih khusus lagi, rencana mengenai lukisan pada permukaan untuk sebab artistik, dianggap salah satu perkara penting dalam seni lukisan.

Catan ialah proses menghasilkan seni dengan menggunakan bahan berwarna atau cat yang disapu ke atas permukaan yang rata. Catan membolehkan seseorang menyedari serta dapat merakamkan kesan cahaya pada bentuk, rupa dan susunan yang terdapat pada alam sekitar. Sejarah catan diceritakan bermula pada Zaman Yunani Purba. Media yang digunakan ialah Mozek dan Fresco. Seterusnya, pada Zaman Pembaharuan yang merupakan zaman kemuncak seni lukis di Eropah, pada zaman tersebut media yang sering digunakan adalah cat minyak, cat air, fresco dan tempera. Menelusuri abad ke 20, muncul pula satu aliran baharu dalam persembahan catan iaitu mempersembahkan dalam bentuk karya seni abstrak. Melihat seni lukis di Malaysia, catan mula berkembang sekitar tahun 1930 dan antara pelukis yang terkenal ialah Abdullah Ariff, Yong Mun Sen, dan A. B. Ibrahim. Mereka ialah antara pelukis yang banyak menggunakan media cat air.

Cat air (*watercolour*) ialah suatu kaedah lukisan di mana cat dihasilkan daripada pigmen warna yang bergantung dalam larutan berasaskan air. Cair air merujuk kepada kedua-dua medium dan karya seni yang dihasilkan daripada penggunaan cat tersebut. Bahan sokongan yang paling biasa digunakan untuk melukis dengan cat air adalah kertas. Bahan sokongan lain termasuk kertas kulit kayu, plastik, velum, kulit haiwan, kain kayu dan kanvas. Kertas khusus yang digunakan untuk cat air sering sepenuhnya atau sebagiannya daripada

kapas untuk memberikan kertas tersebut tekstur yang baik. Seterusnya, cat air biasanya bersifat lut cahaya dan tampak seakan bercahaya. Hal ini kerana, pigmen warna ditetapkan dalam bentuk yang tulen dengan beberapa bahan pengisi yang mengaburkan pigmen tersebut.

Antara Media yang terdapat dalam seni lukisan ini adalah antaranya:

### **1. *Cat air***

Media cat air melibatkan pewarna dalam bentuk kek atau tiub, bersifat lut sinar, lembut dan boleh dibuat legap sekiranya cat air dari tiub. Cat air akan menjadi tebal sekiranya disapu berlapis lapis. Bahan pengantaraan yang digunakan adalah air. Kertas yang digunakan adalah kertas cat air. Seterusnya, berus yang sesuai digunakan untuk cat air biasanya jenis lembut dan bersaiz antara 000 hingga 14. Selain itu, palet juga perlu untuk membancuh warna dan sebuah bekas seperti gelas atau botol turut digunakan untuk mengisi air bersih dan untuk mencuci berus.

### **2. *Cat poster***

Cat poster boleh didapati dalam tiub atau botol, mengandungi pengilat larut air dan bersifat legap. Bahan pengantara yang digunakan juga ialah air. Berus yang digunakan untuk cat poster ialah jenis lembut dan keras. Manakala kertas daripada jenis *cartridge* yang tebal dan permukaan licin. Air yang bersih diperlukan untuk menghasilkan warna.

### **3. *Cat tempera***

Cat tempera ialah bahan warna berbentuk serbuk atau perekat dalam tiub yang sedia proses, mengandungi bahan pengilat seperti kuning telur atau gam cecair. Dalam penghasilan karya cat tempera, alat dan bahan yang digunakan ialah berus jenis lembut atau keras, kertas tebal, kain kanvas atau papan. Biasanya teknik yang diaplikasikan ialah disapu mengikut lapisan yang nipis serta jalur sapuan diselang-selingkan supaya kesan warna rata dan licin.

### **4. *Cat minyak***

Cat minyak diperolehi dalam bentuk tiub. Bahan pengantaraan yang digunakan dalam cat minyak ialah *turpetine*. Bahan pengilat yang boleh digunakan ialah minyak linsid, minyak



poppy atau minyak kacang. Berus yang digunakan adalah jenis lembut dan keras, pisau palet, kekuda, kanvas, papan, kayu dan kadbod. Teknik yang diaplikasikan adalah teknik lipasto, glazing, cat tepat atau hardedge, titik scumbling atau teknik melembut.

Antara teknik catan yang digunakan dalam menghasilkan sebuah karya adalah:

#### **1. Teknik basah atas kering**

Teknik ini melibatkan sapuan warna basah ke atas permukaan kertas yang kering untuk menghasilkan kesan legap. Teknik ini sering digunakan kerana sesuai dengan beberapa jenis media dan senang untuk mengawal sapuan warnanya. Teknik ini juga boleh menggunakan warna yang basah dan disapukan ke atas lapisan warna yang telah kering bagi mendapatkan kesan lut sinar.

#### **2. Teknik berus kering**

Teknik yang melibatkan sapuan warna terus dari tiub ke atas permukaan kertas. Teknik ini boleh juga melibatkan sapuan warna yang pekat ke atas lapisan warna yang telah kering untuk menghasilkan kesan jalinan. Hal ini akan memberi kesan kering berlegap.

#### **3. Teknik basah atas basah**

Teknik ini melibatkan sapuan warna cair ke atas permukaan kertas yang basah yang akan menghasilkan kesan lut sinar. Teknik ini merupakan teknik yang paling sukar dikawal sapuannya kerana pelukis perlu membiarkan dahulu warna yang masih lembab. Sapuan warna yang berikutnya haruslah lebih tinggi kandungan air dan warnanya. Jika tidak warna akan bercampur dan hasilnya menjadi kotor.

#### **4. Teknik kecatan**

teknik ini melibatkan sapuan warna terus tiub. Kertas mestilah sentiasa basah sehingga catan selesai dibuat. Catan jenis ini memberi kesan jalinan dan kekasaran. Melalui teknik ini, catan kelihatan bebas, semula jadi dan spontan.

## **METODOLOGI**

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah penyelidikan kualitatif di mana data kualitatif dikumpul dalam bentuk temubual. Kajian kualitatif merupakan satu kajian penyelidikan di mana pengkaji bergantung kepada pandangan peserta, menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks daripada peserta, menjelaskan dan menganalisis perkataan – perkataan tersebut dalam bentuk tema-tema serta menjalankan inkuiri dalam bentuk yang subjektif dan bias. Melalui temubual pada kajian kualitatif ini, bentuk soalan yang boleh diajukan ialah soalan terbuka yang boleh mengikut kesesuaian berdasarkan jawapan yang diberi sebelum soalan seterusnya supaya mempunyai kesinambungan.

Pendekatan kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kaedah sejarah lisan. Kaedah sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara atau temubual. Tokoh yang dipilih terdiri daripada yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman sendiri. Maklumat yang diperoleh dari temubual tersebut kemudiannya disalin dan Salinan itu selepas disemak dan ditaip, kemudian dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Dalam kajian ini, seorang tokoh seni lukisan yang terkenal dengan lukisan cat air iaitu Encik Ismail Kadir telah dipilih sebagai seorang informen untuk di temubual. Pendekatan temubual lebih kepada ingin mengetahui mengenai latar belakang Encik Ismail Kadir sebagai seorang pelukis yang terkenal dengan lukisan cat air, sumbangan dan pengalaman beliau dalam bidang seni lukisan di Malaysia dan antarabangsa.

Bagi kajian ini, Encik Ismail Kadir telah dipilih sebagai tokoh untuk ditemubual. Encik Ismail Bin Kadir dipilih dalam kajian ini kerana beliau merupakan seorang pelukis hebat yang disegani oleh ramai . Beliau pernah menerima banyak jemputan untuk menyertai pameran seni lukisan di lebih 23 negara termasuk England, Turki, China, Taiwan dan India. Selain itu, karya lukisan beliau juga sering dipamerkan di galeri, muzium, syarikat dan institusi awam dan swasta. Beliau juga merupakan YDP Persatuan Pelukis Kelantan atau lebih dikenali sebagai PESENI. Beliau juga telah banyak menerima penghargaan dan anugerah dari kerajaan negeri Kelantan atas sumbangan beliau sepanjang menceburi dalam bidang seni ini, antaranya

ialah Anugerah Penghargaan Karyawan Kelantan 2013, Anugerah Khas Pelukis Kelantan Sempena Pameran Lukisan & Foto 2014 dan banyak lagi anugerah yang diterima beliau.

Seterusnya, Pengumpulan data dalam kajian ini adalah melalui pengumpulan data kualitatif, di mana data dikumpul melalui sesi temubual yang dijalankan bersama tokoh iaitu Encik Ismail Bin Kadir. Data dikumpul melalui jawapan yang dijawab oleh tokoh berdasarkan soalan-soalan yang telah disediakan untuk temubual. Soalan yang diberikan pada temubual dijalankan berbentuk tinjauan, pendapat dan cadangan dari subjek kajian. Bentuk soalan juga akan lebih bersifat terbuka, tidak berstruktur dan tidak bersifat tetap. Maklumat yang diperolehi dari temubual tersebut kemudiannya disalin dan Salinan itu selepas disemak dan ditaip. Temubual akan dijalankan secara bersemuka bertempat di Galeri Seni Lukis Encik Ismail Bin Kadir.

Selain dari kaedah temubual, kajian ini juga menggunakan kaedah melalui pembacaan di internet berkaitan profil Encik Ismail Bin Kadir. Maklumat dikumpul melalui rujukan dan pembacaan di akhbar, artikel, penulisan ilmiah, jurnal dan juga laman web.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Rakaman dan temubual ini mengisahkan tentang latar belakang, anugerah, dan sumbangan Encik Ismail Bin Kadir dimana beliau merupakan seorang tokoh seni lukisan terutamanya lukisan catan yang terkenal di Kelantan dan juga merupakan Yang Di-Pertua bagi Persatuan Seni Lukis Kelantan (PESENI). Rakaman dan temubual ini telah dijalankan pada 5 Januari 2023 hari Khamis pada jam 5:10 petang hingga 6:30 petang bertempat di Galeri Seni Lukis Ismail Kadir. Temubual ini dikendalikan oleh Aisyah Radhiah Binti Mohamad Azri dan Nur Ratihah binti Ramzi. Berikut adalah hasil rakaman dan temubual yang telah dilakukan.

Petunjuk:

IK: Ismail Bin Kadir

AR: Aisyah Radhiah Binti Mohamad Azri

NR: Nur Ratihah Binti Ramzi

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

AR : **Assalamualaikum. Saya Aisyah Radhiah dari UiTM Machang ingin membuat sesi temubual bersama pelukis iaitu Encik Ismail. Boleh [encik] ceritakan sedikit Latar belakang encik seperti nama penuh, umur?**

IK : Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terlebih dahulu saya nak ucap terimalah kepada cik-cik berdua (ketawa) berusaha untuk membuat wawancara. Nama saya Ismail Bin Kadir beralamat di tujuh lapan tiga [783], Kampung Paya Rambai, Jalan Bayam, Kota Bharu Kelantan. Umur sudah tujuh puluh satu [71] tahun dah [sudah]. Lahir [dilahirkan] pada tahun lima puluh dua [1952]. Jadi apa lagi?

AR : **Encik dilahirkan di? (Dimanakah encik dilahirkan)**

IK : Dilahirkan (saya) di Kota Bharu.

AR : **Selain daripada melukis ni [ini] antara hobi lain?**

IK : Hobi ni [ini] sebenarnya banyak sekali, bergantung pada masa. Jadi kalau masa muda ada minat musik, minat sukan, minat memancing. Jadi bila sudah beransur tua ni lari sedikit minat saya *gardening* [berkebun] [ketawa]. Tanam (saya menanam) sayur-sayuran ke apa.

AR : **Masa kecil dulu cita-cita encik apa? [Apakah cita-cita encik?]**

IK : Pada masa muda bercelaru sangat. Ada terfikir nak bekerja apa - makan gaji apa semuanya [bekerja kerajaan] cikgu [guru] ke. Ada sesetengah tu [itu] kalau pandai sekolah suruh [menyuruh] menjadi doktor (ketawa), menjadi *lawyer* [peguam]. Tapi saya mungkin secara semula jadi memang minat lukisan sejak di bangku sekolah lagi

(diterangkan kembali sejak kecil lagi).

AR : **Nama ibu dan bapa encik apa? [Apakah nama ibu dan bapa encik]**

IK : Ibu [nama] Fatimah Binti Mamat. Bapa [nama] Abdul Kadir Bin Tayib.

AR : **Apakah pekerjaan ibu dan pada encik?**

IK : Bekerja kampung. .Bapa ni [bekerja] dia tukang kayu (diterangkan kembali sebagai tukang rumah atau membuat rumah). Memang rumah duduk [tempat tinggal] dia buat sendiri. Rumah asal sebelah sana tempat *corner* [selekoh] sembilah puluh [90] tadi (sambil menunjuk ke arah jalan), kebanyakan dia yang buat sendiri dan dengan pertolongan sahabat-sahabat dia.

AR : **Encik ada berapa orang adik-beradik?**

IK : Adik-beradik tiga [3] orang termasuk saya. Dua-duanya telah meninggal. Dua tu abang.

AR : **Adakah adik-beradik encik terlibat dalam seni juga?**

IK : Tidak. Seorang menjadi cikgu [guru] dan yang seorang lagi bekerja dengan majlis perbandaran.

AR : **Encik dan isteri sudah berapa lama berkeluarga?**

IK : Berkeluarga - (sedang membilang). 2021 lagi. (Berkahwin pada tahun 2021)

AR : **Siapakah nama isteri encik?**

IK : Isteri nama \_\_\_ dari Kemboja.

AR : **Dulu isteri encik bekerja apa?**

IK : Dia (dahulu) bekerja sendiri adalah seperti menjahit sambilan. Dia (sekarang) suri rumah.

AR : **Berapakah umur isteri encik?**

IK : Umur empat puluh tujuh [47] tahun.

AR : **Encik ada berapa orang adik beradik? (Dibetulkan kembali berapa orang anak)**

IK : Anak ada anak pero [anak yang dijaga].

AR : **Umur anak-anak encik?**

IK : Ada yang dah kerja [sudah bekerja]. Yang tua sekali sudah dua puluh satu [21] tahun dan yang bongsunya tingkatan dua. Berumur empat belas [14] tahun.

AR : **Apakah pekerjaan anak sulung?**

IK : (terlupa)

AR : **Adakah anak-anak encik turut minat lukis [melukis]?**

IK : Tidak nampak sangat [tidak gemar melukis].

AR : **Macam mana encik membahagikan masa antara keluarga dengan kerjaya?**

IK : Dia sekali gus [dibahagikan sama rata] sebab kita melukis disini juga (merujuk kepada rumah beliau), melukis di rumah ada studio di atas (menunjuk ke tangga) jadi memang



sentiasa bersama dan tiada masalah. Kalau keluar *outdoor* [luar] pun sama-sama dan tidak ada masalah.

## TAMAT BAHAGIAN 1

### BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

**AR** : Seterusnya boleh encik ceritakan latar belakang pendidikan contohnya sekolah di mana?

**IK** : Pendidikan - saya awal [mula] bersekolah di Islah English School [IES]. Selepas itu habis enam [6] tahun di situ, pergi ke [melanjutkan] ke SMR [Sekolah Menengah Rendah] KB [Kota Bharu] di Kota Bharu. Selepas itu, sambung di SIC [Sultan Ismail College] (Kolej Sultan Ismail). Cuma saya boleh ingat tahun enam sembilan [1969] ambil [menduduki] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Selepas itu, saya sambung ke UiTM [Universiti Teknologi Mara] sebab *form 6* [tingkatan 6]. *Form 6 batch* [kumpulan] terakhir yang ada Uitm di Shah Alam.

**NR** : [Sebab dulu tukar namakan]

**IK** : Dahulu belum ada di Shah Alam (merujuk kepada UiTM) tengah buat [dalam pembinaan].

**AR** : Boleh ke encik ceritakan pengalaman masa sekolah dulu kalau masih ingat?

**NR** : Pengalaman manis atau pengalaman yang tak dapat dilupakan ke?

**IK** : Banyak pengalaman dulu [merujuk kepada zaman persekolahan]. Mungkin lepah [selepas] periksa [peperiksaan] SPM ada sekali dengan kawan nak naik [pergi] ke KL [Kuala Lumpur] dgn motor. Jadi dua buah motor, saya naik [menunggang motosikal] Honda kecil honda sembilan puluh [90]. Manakala kawan bawa [menunggang] Suzuki. Naik ke Kuala Lumpur, balik hujan, semasa balik motorsikal mati - terkandas

di Besut. Kami terpaksa naik perahu. Macam macam hal (ketawa). Tetapi semangat masa tu boleh naik ke KL dengan motosikal.

**AR : Selepas UiTM [menamatkan pengajian], encik sambung belajar di mana?**

IK : Selepas UiTM [menamatkan pengajian] saya balik [saya] ke Kelantan. Saya mula dari tu saya buat banyak kerja dan saya sempat jadi guru sementara juga. Selepas itu, saya fikir untuk sambung balik [pelajaran] dengan *art* [seni]. Jadi saya mohon dengan USM [Universiti Sains Malaysia] dan masuk seni kreatif (menerangkan kembali USM, Pulau Pinang). Jadi lepas tu minat dalam semakin kuat dan saya semakin serius dalam seni pada tahun 93-an [1993] dan 94-an [1994].

**AR : Adakah encik aktif semasa di universiti?**

IK : Ya, saya memang aktif. Saya menjadi ketua pada masa tu [itu]. Pada masa itu saya dah [sudah] buat banyak kerja di sana boleh makan gaji [mendapat upahan] di USM. Saya telah buat mural untuk muzium USM. Saya telah buat satu tempat nama "Perak Man" yang berlatar belakangkan Perak Man. Saya dengan sahabat saya dua orang. Dan kita dapat *income* [pendapatan] dari situ dan mereka bayar.

**AR : Masa belajar dahulu, apakah cabaran-cabaran atau kenangan manis?**

IK : Cabaran - - periksa la - - malas nak baca dan semua orang buat kerja last minit saja (ketawa).

**AR : Tahun bilakan encik menamatkan pelajaran?**

NR : Tahun '94 [1994]

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: KERJAYA

NR : Kemudian, kita beralih ke soalan seterusnya, seperti yang tuan beritahu tadi, tuan pernah bekerja sebagai guru kan?

IK : Guru sementara

NR : Boleh saya tahu nama sekolah yang tuan mengajar ?

IK : Mula -mula Sekolah Kebangsaan Bukit Merbau. *Eh* nanti- nanti [ sebentar] dulu [dahulu], dekat [ berdekatan] kedai lalat, sebelah selising bukit merbau, sini sekolah - tak [tidak] ingat *dah* boleh kata dia [ sekolah] tu [itu] sekolah cawangan kedai lalat, Chicha Nyabong [Chicha Menyabong] baru saya ingat, Sekolah Kebangsaan Chicha Nyabong [Sekolah kebangsaan Chicha Menyabong] - tahun saya tidak ingat kena refer [merujuk] balik. selepas itu saya ditukarkan ke Sekolah Bukit Merbau, selising.

AR : Dekat [ berdekatan ] dengan rumah saya

IK : Rumah dok [tinggal ] selising?

AR : Ya, rumah dok selising.

IK : Dekat *dah*, saya pernah sewa rumah \_\_\_ *hok* [yang] tempat cina baiki basikal dekat tempat *kona* [selekoh] tu [itu] sekarang *takdak* [tiada] *dah* , lama cina [cerita] tu [itu].

NR : Tuan jadi cikgu ajar subjek apa ? ( apakah mata pelajaran yang tuan mengajar semasa menjadi cikgu?)

IK : Sekolah kebangsaan, jadi semua subjek [ mata pelajaran]. Jadi cikgu sementara ni bukan - bukan itu (merujuk kepada cikgu sepenuh masa) dan dari situ kemudian saya pergi sambung belajar.

- NR : **Seterusnya, boleh saya tanya mengapa encik meminati seni lukisan ini dan apakah keistimewaan bidang seni ini kepada encik?**
- IK : Mungkin semasa saya di UTM [Universiti Teknologi Mara] saya berkenalan dan rapat dengan *geng- geng* [rakan kenalan] yang buat seni lukis. mungkin itu adalah salah satu daripada faktor. Jadi saya sentiasa rapat, Sentiasa tengok kerja dia, bincang dan sebagainya. Tengok pameran dan sebagainya dan menyebabkan selepas itu minat tu [itu] semakin kuat
- NR : **Selain melukis, apakah kemahiran lain yang boleh encik lakukan?**
- IK : Selain dari melukis?
- NR : **Ya, selain dari melukis**
- IK : (Ketawa) *tricky* [rumit] soalan.
- NR : **(Ketawa) tadi tuan kata *gardening* [berkebun] tu ?**
- IK : *Gardening* [berkebun] tu [tu] banyak saya belajar masa *lockdown* [Perintah kawalan pergerakan] haritu . Masa banyak, buka *youtube*, tengok tanam itu tanam ini. Buat juga eksperimen eksperimen dan menjadi. Saya buat tu [itu] pokok jambu, pokok durian belanda. Pokok jambu tu [itu] tak[tidak] sampai setahun dah berbuah. Jadi yang ni pun ada minat *lah*.
- NR : **Oh *okay* [baiklah] , bagaimana tuan memotivasikan diri tuan untuk meneruskan diri untuk menceburkan diri dalam bidang seni ini?**

**IK** : *iya lah*, dalam apa- apa bidang pun bila kita cebur kita kena serius sebab *takdak* [tiada ] satu bidang pun kalau kita tak [tidak] serius kita boleh berjaya. Jadi bila kita masuk dalam sesuatu bidang memang kita kena serius. Baru kita akan ke depan dari orang lain dalam bidang tu. Jadi sentiasa kita dalam satu bidang ini, kita kata (memberi contoh) perlawanan, pertandingan ka? Kita kena naik *above the average* baru kita boleh berjaya.

**NR** : **Seterusnya, apa moto hidup tuan?**

**IK** : Kita nak hidup, mati nak rahmat Allah (kita hendak hidup dan mati kita mendapat rahmat Allah S.W.T) - apa kita buat pun nak [hendak] ke situ (merujuk kepada Allah S.W.T). Buat apa pun nak[hendak] ke sana. Kena cari jalan *lah* macam mana. [ bagaimana].

**NR** : **Seterusnya, tadi tuan cakap tuan minat seni lukis ini dari mengikut rakan - rakan di universiti. Jadi ketika tuan menceburkan diri dalam bidang seni ini, bagaimana reaksi orang sekeliling?**

**IK** : Tiada masalah. Orang sekeliling ni [ini] tidak menjadi masalah. Cuma apabila kita buat kerja- kerja *art* [seni] ni [ini] orang tak [tidak] pandang tinggi. Dia (merujuk kepada masyarakat) tengok awak melukis. “*ha* apa benda *lah* melukis.” *gitu ja* tapi [tetapi] kalau dia dapat kerja gaji lima ribu [RM] terus orang kagum tapi [tetapi] kalau pelukis cakap dapat lima ribu [RM] ramai yang tak [tidak] kesah. Itu dia beza.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: MENGENAI BIDANG SENI

- NR : **Seterusnya, apakah jenis lukisan yang gemar encik lakukan ?**
- IK : Boleh kata semua medium *lah* cat minyak, cat air, akrilik. Saya minat semua tu [itu] cuma tekanan utama kepada cat air dan juga cat minyak tapi [tetapi] saya buat macam-macam [pelbagai] medium jugak *lah*.
- NR : **Oh okay [baiklah], dalam banyak-banyak teknik yang tuan cakap tadi, mengapa tuan gemar catan air ?**
- IK : Itu bukan teknik. Itu kita panggil medium
- NR : **Oh medium, kenapa tuan suka medium catan air.**
- IK : Cat air ini senang untuk handle [kawal], senang untuk guna, kita tak [tidak] perlu buat persiapan rapi. Ada cat, ada air dah boleh melukis. Kalau kita buat medium lain kata [misalnya] cat minyak banyak benda. Kena ada kanvas, *turpentine*, *linsid* dan sebagainya, so [jadi] kalau cat air ini bubuh [masuk] dalam beg. Letak *colour* [warna], berus, keluar bawa *drawing pen* [pen lukisan] dan boleh melukis dah. So [jadi] dia [medium cat air] handy [mudah digunakan].
- NR : **Bagaimana tuan mendapat inspirasi untuk lukis satu satu [sebuah] lukisan itu ?**
- IK : Inspirasi, dia apabila kita buat kerja. Kita kena cari satu- satu tumpuan. Apa yang kita hendak *highlight* [tekankan]. Jadi kita kena minat benda yang kita nak [hendak] *highlight* [tekankan] itu. Kalau kita minat landskap kampung, jadi kita terus buat landskap kampung *lah*. Tengok tempat mana yang elok [

menarik]. Kaji tempat mana yang sesuai. Kalau kita suka bangunan. Jadi kita kena pergi cari lokasi- lokasi yang sesuai.

**NR : Selalu mana [di mana] tempat pilihan tuan untuk melukis?**

**IK :** Tempat macam-macam [ pelbagai] sebab kalau kita buat lukisan pemandangan kampung nelayan *so* [jadi] kita kena tahu *lah* dari segi lokasi kampung nelayan itu di mana, kalau kita sini mungkin kita akan pergi ke Pantai Mek Mas, Pantai Pulau Kundur, Pengkalan Genting kena tau [ tahu] *lah*. Macam [seperti] ini Pengkalan Genting, ini Mek Mas [Pantai Mek Mas] , ini Pulau Kundur , ini – (sambil menunjuk ke arah lukisan) Sabak [Pantai Sabak, Pengkalan Chepa] tempat Jepun naik [lokasi pendaratan tentera Jepun tahun 1942], depan *Airport* [Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra ], ini Pulau Panjang tak [tidak] silap nama dia [lukisan yang ditunjuk], Ini Pulau Suri ( sambil menunjukkan ke arah lukisan-lukisan yang menunjukkan tempat yang disebutkan tadi). Jadi kita kena tahu *lah* lokasi yang sesuai dengan tajuk yang kita pilih tu [itu].

**NR : Oh faham, adakah encik mempunyai lukisan kegemaran dia antara semua lukisan yang pernah encik hasilkan.**

**IK :** Ada-ada .

**NR : Lukisan tu ada sejarah kah disebalik dia? (Apakah sejarah disebalik lukisan tersebut ?)**

IK : Yang [kegemaran] saya. Apabila saya diminta untuk melukis Jeti KASTAM [Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan ] tahun 50an. Zaman sebelum saya beranak [ lahir] suruh saya lukis (ketawa). Jadi saya kata saya boleh buat tapi [tetapi] dengan syarat. Syaratnya saya nak [hendak] orang yang bekerja atas jeti itu - sama ada pegawai ataupun pemandu ataupun pekerja. Kalau pihak kastam [ Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan] boleh *provide* [sediakan ] orang ini saya kata saya boleh buat. Jadi memang pergi jumpa dengan *boss* [Pengarah Kastam] *lah*. Tanya boleh ke tidak. Dia kata *okay* [baiklah] dia bagi seorang pemandu dan seorang pegawai masa tu. Saya bawa kanvas pergi ke KASTAM [Jabatan kastam Diraja Malaysia Kelantan] empat kali lapan [4x8] kaki dan sebelum itu saya dah [ sudah] tangkap gambar, yang sekarang ni ( gambar keadaan sekarang ) jadi saya pergi lukis depan *diorang* [mereka]. Lukis depan boss [Pengarah Kastam]. Tanya dia balik betul ke *dok* [ tidak] tahun 50an macam [seperti] ini. Jadi *diorang* [ mereka ] bagitahu [beritahu] *lah* ada tambah sini , tambah sini ( sambil menunjukan pergerakan seperti sedang melukis). Jadi kita lukis sebab dahulu tak dak [ tiada ] foto. Jadi kita lukis-lukis semua, dia [Pengarah Kastam dan Pegawai Kastam] suruh lukis begini keadaan. Dulu ada cina [orang cina] gaji kayu *lah*, ada kren dulu *lah* sekarang tak dak [tiada] dah. Ada terowong, lori boleh lalu di bawah. Macam macam [pelbagai] cerita. Jadi saya boleh buat gambaran daripada informasi orang lain bukan imaginasi, informasi. Sebab dia yang boleh *endorse* [menyokong]. Kita tak [tidak] boleh *endorse* [ menyokong ] sebab kita tak [tidak] tahu [tahu]. Dia yang (merujuk kepada orang yang memberi informasi) *endorse* [menyokong] betul macam ini. (Ketawa) lukisan itu ada di Jeti KASTAM [Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan]. Pergi Jeti KASTAM [Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan] masuk dalam pusing ke belakang tepi dinding. Boleh pergi ambil gambar situ ( ketawa).

NR : Seterusnya, apa lukisan pertama tuan ?



- IK : Tak [tidak] ingat sebab saya ini minat sejak bangku sekolah [ sekolah rendah]. Saya kadang dalam kelas tu kawan-kawan kata "mu [awak] lukis gambar aku, aku belanja air". air tebing [tea ais] so [satu]. - (ketawa) lukisan awal tu tak [tidak] tahu siapa dia.
- NR : **Faham (ketawa). Seterusnya berapakah jumlah lukisan tuan yang telah dijual?**
- IK : Oh saya tak[tidak] ingat.
- NR : **Lukisan termahal yang pernah dijual?**
- IK : Termahal, tiga puluh lapan ribu [RM] untuk saiz tiga kali empat [3x4]. Lukisan tiga [3] kaki empat[ 4] kaki
- AR : **Lukisan gambar apa?**
- IK : Lukisan potret.
- NR : **Potret Tun Dr Mahathir [ Bekas perdana menteri Malaysia keempat dan kelapan] kah?**
- IK : 'Tahu mana? (Tahu dari mana)
- NR : Saya pernah baca di METRO [ Surat khabar Harian Metro], saya tengok di situ.
- NR : **Seterusnya bagaimana kita tentukan harga sesuatu lukisan?**

IK Harga secara am perlu ada sejarah. Sejarah kita berkecimpung dalam bidang tu berapa lama. jadi peningkatan harga ataupun pergerakan harga tu bagaimana sebab orang tahu dulu [dahulu] kita jual lima ratus [RM] ada seribu [RM], seribu lima ratus [RM] kemudian naik seribu [RM], seribu lima ratus [RM]. Jadi setahun ke setahun itu, kalau bagi dunia seni ini, orang tahu nilai setiap artis ini . Sebut nama, kita dah boleh bayang dia kategori mana. Jadi tak [tidak] boleh main- main “aku nak wat [buat ] harga seratus ribu [RM]”. Itu tak [tidak] akan wujud. Harga saya pun macam [seperti] itu *lah*. Setakat dua tiga tahun ini, harga sekian. Kalau artis man-mana pun begitu *lah* harganya kecuali orang datang ke rumah ka ataupun orang buat tempahan ulangan. Seperti kata macam [ seperti] ini - ( sambil menunjukkan ke arah lukisan) saya tak [tidak] jual ini semua ini tak [tidak] jual sebab saya khaskan untuk galeri tapi [ tetapi] ada yang nak [ hendak] juga. Saya boleh buat ulangan. Ulangan lukis itu murah daripada yang asal *lah*. Dan juga boleh buat rujukan di Balai Seni Negara. Biasa kalau nak [ hendak] tahu harga artis rujuk kepada Balai Seni Negara. Biasa dia [pelanggan] buat pembelian dia [lukisan] ada harga bagi ke dia [ pelanggan ]. Siapa pun ada disana. Boleh tanya disana. Dia boleh bagi harga lukisan tu sekian-sekian.

NR : **Oh, bagaimana kita nak nilai lukisan yang berkualiti dan tidak berkualiti?**

IK : Kita boleh beza sebab kita sendiri yang tahu, kalau tidak berkualiti kita tak [tidak] bawa keluar. Memang tak [tidak] boleh jual. Kalau jual, akan dijual dengan harga murah. Itu asas yang kita kena tahu. Elok ke tidak elok *painting* [lukisan ] itu. Jadi ke tidak jadi itu asas lagi *lah*. Dan benda yang kita rasa tak elok [menarik], terus kita tak [tidak] jual.

NR : **Kenapa tuan gemar untuk melukis gambar seperti bandar, tempat-tempat dan pemandangan?**

- IK : Dia [ lukisan] pemandangan ini adalah sesuatu benda yang unik sebab bila orang duduk dalam bandar , dia - di hadapan *diorang* [mereka] semua bangunan. Bangunan batu semua. Jadi kemungkinan bila dia tengok kampung ini sebagai nostalgik tapi [ tetapi] kita ini – [anggap] adalah kehidupan dan keadaan kita seharian. Jadi dia mahu *lah* semua-semua ini sebab tidak ada dalam bandar. Tak dak [ tiada] pokok kelapa dalam bandar, tak dak [tiada] perahu di bandar. Jadi benda ini jadi kontra. Bila dia tinggal di bandar nak [hendak] tengok pemandangan kampung dan bila kita buat pameran peringkat antarabangsa antara kampung-kampung ni ada perbezaan. Perahu pun ada beza. Perahu ini, tempat lain bentuk dia lain, dekorasi dia lain. Kalau kita tunjuk perahu kita yang Pulau Gajah. Dia ada estetik [ nilai estetica ]yang tersendiri. Jadi bila orang lain lihat di manai ni, di Kelantan. Ada identiti.
- NR : **Seterusnya, aspek penting yang tuan dititikberatkan sebelum tuan melukis ?**
- IK : Mula-mula adalah pemilihan tempat. Pemilihan tempat itu sesuai ke tidak untuk kita tonjolkan kepada masyarakat kepada *audience* [Penonton]. Adakah benda itu sesuai untuk dijual sebab kita buat untuk jual , kalau kita buat [lukis] orang tak [tidak] minat tak [tidak] guna *lah*. Jadi kita kena tengok – dia [lukisan] memang elok, cantik dan sesuai sebagai satu. Mungkin sebagai satu pembelajaran, kalau kita melukis perahu-perahu ini (sambil menunjukkan ke arah gambar perahu pada lukisan) Satu lagi sebagai – apa? - lupa saya - bukan kenangan - seperti gambar ini, ini sudah dimakan oleh air, terhakis semua dah. Ini ( sambil menunjuk ke arah satu lukisan di belakang beliau). Terhakis semua ini. Ini di Pantai Mek Mas. Jadi ini kita panggil dokumen. Jadi ini akan jadi dokumen. Gambar ini akan jadi dokumen, tak dak [tidak] dah - mana ada dah - jadi sini [lukisan] *lah*. Jadi

sesiapa nak tengok Pantai Mek Mas dulu. Marilah, sini *lah* ( menunjuk ke arah lukisan Pantai Mek Mas). Boleh dijadikan dokumen

**NR : Banyak-banyak lukisan ini , lukisan mana yang paling mencabar untuk dilukis?**

**IK :** Mencabarnya bila kita buat benda-benda yang *detail* [terperinci]. Kalau yang tidak *detail* [terperinci] tidak mencabar sangat lah. Walaupun dia nampak payah [susah] tapi [tetapi] tidak mencabar sangat. Walaupun dia mencabar tapi [tetapi] lebih mencabar lagi apabila kita buat yang halus-halus itu ( sambil menunjukkan lukisan yang mempunyai seni halus) yang orang buat manisan tu. Lihat tikar tu (objek di dalam lukisan yang ditunjuk) ingat mudah nak buat tikar yang satu-satu tu. Jadi memang tidak ada jalan yang boleh kita buat cepat *lah*. Jadi bila kita buat kerja yang halus-halus ini mencabar *lah*. Lambat *lah*.

**AR : Biasanya sesuatu gambar [lukisan] itu berapa lama tempoh untuk menyiapkan?**

**IK :** Tidak tentu, ada yang tiga jam, ada yang tiga tahun sebab tidak di buat-buat, buat-buat letak di dinding. Tengok saja malas buat. Tak [tidak] sambung sehingga bertahun- tahun. Ada setengah kita buat cepat mungkin sebab kita minat sangat kah? Dua jam *ja* [sahaja] kita dah boleh *sign* [tanda tangan]. Kalau kita keluar *outdoor* [luar] tiga jam dah boleh *sign* [tanda tangan] siap dah. Masa tu susah nak jawab. Ada yang lama ada yang cepat.

**NR : Seterusnya, kalau yang saya lihat ini ada yang dari tahun 2001. Jadi bagaimana lukisan yang lama ini dijaga?**

- IK : Dia [lukisan] mengikut medium kalau cat air ini dia[lukisan] mesti dalam cermin. Dia [lukisan] sensitif terhadap air. Jadi walaupun air ada dalam cermin - Air tu masih boleh masuk walaupun dalam cermin, bukan kerana tempias dia tapi kerana wap. Pengewapan. Oleh itu, dia perlu ada cahaya *direct* [terus] - cahaya matahari yang *direct* [langsung] ke gambar dia akan jadi panas *gitu* [begitu]. Bila panas benda dalam tu akan panas. Bila keadaan cuaca sejuk kembali dia akan tinggal *vapour* [wap] dalam cermin sebelah dalam. *Vapour* [wap] itu akan diserap oleh kertas. Jadi bila kertas itu kena air maka naik *lah* cendawan. Jadi cendawan ni memang mudah kena *lah* sebab cat air. *Moldy* itu lama-lama kalau keadaan cuaca panas sejuk. Dia akan naik cendawan. Jadi dari situ kita kena jaga *lah*. Buka balik cuci.
- NR : **Oh, seterusnya apakah lukisan terbaru tuan?**
- IK : Yang terkini saya banyak buat untuk tempahan. Ada *lah* dua tiga keping.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

#### BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN DALAM SENI

- NR : **Seterusnya, sepanjang penglibatan tuan dalam bidang ini, apakah pengalaman manis tuan ?**

- IK : pengalaman manis. Saya sepanjang berkecimpung dalam bidang seni ini kalau saya dapat pameran ke luar negara itulah pengalaman manis saya . Saya pernah dipilih dalam Malaysia Week London [ Pameran Malaysia Week London], saya pernah ke Itali. Tengok suasana Itali. Saya pernah ke India. Cina [China] sudah tujuh [7] kali. Pelbagai pemandangan kita dapat di Cina [china]. Di Taiwan - jadi kita dapat tengok benda baru. Benda baru, Itu yang menjadikannya seronok.
- NR : **Tadi tuan cakap tuan pernah menyertai Pameran Malaysia Week of London. Boleh tuan ceritakan pengalaman tuan menyertai pameran tersebut.**
- IK : Itu dipilih oleh kerajaan Malaysia melalui Balai Seni Negara. Di pilih oleh beberapa orang artis. Tidak hanya pelukis ada bahagian lain pun. Ada bahagian tarian, fesyen, masak. Jadi kita buat *showcase* di London dengan tunjuk budaya kita sebagainya. Jadi itu salah satu cara kita *highlight* [tekankan] kan negara kita dan mendapat sambutan sangat-sangat menggalakkan.
- NR : **selain dari pameran antarabangsa, adakah tuan turut serta dalam pameran tempatan?**
- IK : Pameran tempatan ini biasa. Memang ada. Saya seorang yang berjawatan dulu saya Yang Dipertua gabungan Persatuan Pelukis Se Malaysia [Gabungan Persatuan Pelukis Se Malaysia (Gap's) ] jadi [menjadi] Persatuan Pelukis Se Malaysia [Gabungan persatuan Pelukis Se Malaysia (Gap's)] ini, ahli gabungannya adalah persatuan. Jadi mana-mana persatuan di Malaysia yang mewakili negeri saya kenal dan sentiasa berhubung dan ambil bahagian dalam setiap aktiviti.

- NR : **Apakah perasaan tuan semasa menghadiri pameran antarabangsa?**
- IK : Gembira *lah*. (Ketawa)
- NR : **Adakah tuan mempunyai idola yang menjadi inspirasi tuan dalam melukis?**
- IK : Memang ada, kalau di Kelantan ini peringkat awal - - kita ada sejarah – medium cat air lama - bermula dari Khalid Ibrahim. Khalid Ibrahim ini, Dia pelajar \_\_ \_\_. Lepastu [selepas itu] dia - kembangkan *talent* [bakat] dia itu ke kawan-kawan sini *lah* .maka peringkat awal \_\_ ,Cikgu Mokhtar Ishak . Yang paling menonjol Cikgu Mokhtar Ishak. Dia jadi peneraju cat air Kelantan . Dia bawa – dalam PESENI [Persatuan Seni Lukis Kelantan] *lah*. Dia bawa ahli pergi melukis bersama dan terus mengajar, membantu, menolong pelukis baru untuk melukis cat air. Jadi sejarah itu memang berterusan sehingga akhir hayat dia sebab tu Kelantan ini terkenal dengan cat air. Lebih kepada Cikgu Mokhtar Ishak. Saya juga salah seorang mengikut pergerakan cikgu . Kalau dalam *Local* [tempatan ] memang orang kenal Cikgu Mokhtar itu, memang kuat *lah*, sebab dia dalam PESENI [Persatuan Seni Lukis Kelantan] dan PESENI [Persatuan Seni Lukis Kelantan] itu adalah dalam gabungan Persatuan Pelukis Se Malaysia [Malaysia [Gabungan Persatuan Pelukis Se Malaysia (Gap's) ] jadi kalau ada *event* (acara) memang bersama *lah*.
- NR : **Seterusnya, mengenai potret Tun Dr Mahathir. Bagaimana tuan dapat inspirasi untuk melukis potret itu?**

: Itu ada satu *event* [acara], *event* [ acara] lima [5] tahun sekali ada\_\_ . Pameran Kapal Terbang dan Maritim di Langkawi [Malaysia]. Penganjur minta lukis tokoh-tokoh *lah*. Tokoh Malaysia. Saya pilih Tun Dr. Mahathir [ Bekas perdana menteri Malaysia ke lima dan kelapan ]dan Amin Shah [Tan Sri Amin Shah Omar]. Orang lain pilih orang lain (berdeham) dan kita buat pameran di Langkawi *lah* tempat-- ,.

**NR : Selain daripada potret Tun Dr Mahathir, siapakah tokoh lain yang pernah tuan lukis?**

IK : Tokoh lain saya biasa buat menteri Leo Moggie [ Mantan presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS)] - Tan Sri Anuar Musa [ Bekas Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia] , - Tun Abdullah Badawi [ Bekas Perdana Menteri Malaysia ke lima] dan isteri. Selepas mereka berkahwin terus saya lukis. Ada tempahan untuk dihadiahkan kepada beliau. Permaisuri Sultan Brunei [Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Almarhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam], ketua pengarah KASTAM [ Jabatan Kastam Diraja Malaysia]

**NR : Bolehkah encik ceritakan mengenai Persatuan Pelukis Kelantan (PESENI)?**

IK : PESENI ditubuhkan pada tahun 1979. Mula -mula ditubuhkan dengan nama Persatuan Seni Rupa Kelantan pada tahun 1979. Kemudian tukar kepada Persatuan Seni Lukis Kelantan. Kemudian Persatuan Pelukis Kelantan. singkatan sama semua PESENI. saya sebagai Yang dipertua ini sudah masuk 12 tahun, dahulu saya timbalan - tahun nanti boleh rujuk situ ( sambil menunjuk ke arah kertas)



NR : **Apakah aktiviti yang sering dijalankan oleh Persatuan Pelukis Kelantan (PESENI)?**

IK : Aktiviti - - kita teruskan tradisi melukis *outdoor* [luar]. Benda yang Cikgu Mokthar Bawa, \_\_ , Khalid Ibrahim, Yusof Sulaiman - melukis *outdoor* [ luar] sudah menjadi trend jadi kita teruskan trend itu. Dan kita ada buat bengkel untuk menaikkan tahap pelukis. Sekejap lagi kita boleh pergi melawat. Di belakang ini ada bengkel, ada studio untuk kita buat bengkel, mesyuarat, makan-makan dan sebagainya. Dan kita juga ada *talk* (merujuk kepada program bicara) – biasa kita panggil pelukis yang termasyhur ,dari UTM pun kita biasa panggil, pelukis yang bersara, Awang Damit [Awang Damit Ahmad], \_\_ kita biasa panggil untuk bagi *talk* [program bicara] ataupun bengkel – dan pameran. Pameran sentiasa ada lah sama ada dalam atau luar negeri tetapi sebab *Covid* [Coronavirus disease] ini banyak tergendala *lah*.

NR : **Selain dari pameran, adakah encik sering dijemput untuk mengendali bengkel seni atau ceramah mengenai bidang seni lukisan ini?**

IK Banyak juga lah. Untuk tempatan pun banyak. *international* [ antarabangsa] pun ada jugak. Di Cina [China] juga banyak saya dijemput sebagai juri dan juga dalam International Watercolour Society punya pameran secara *online* [dalam talian]. Saya dipilih sebagai juri secara *online* [ dalam talian] . Ni katalog ( sambil menunjuk ke katalog ) - - - Saya juga jadi *leader* [mengetuai] untuk Malaysia sejak ditubuhkan sehingga dua tahun lepas.

NR : Wah dah lama (ketawa)

IK : Tak [tidak] tahan dah [sudah] tua dah. (ketawa)

- NR : **Tak de [tidak] (ketawa). Dimanakah karya -karya lukisan encik sering dipamerkan?**
- IK : Dipamerkan. Selain tempat saya ( Galeri Seni Lukis Ismail Kadir) ada di museum, \_\_\_ Balai Seni Negara, Museum Melaka , Museum Terangganu - -  
-
- NR : **Apakah lukisan yang biasa dihasilkan untuk pameran?**
- IK : Tengok kepada – syarat syarat – selalu pameran ini dia ada peraturan, terma dan syarat. Kalau terma dia nak [hendak] kebudayaan maka kita kena tunjuk kebudayaan *lah*. Kalau terma dia landskap, kita lukis landskap. Dia biasa bagi terma dan syarat. --- (ketawa). Semua pameran mesti bagi terma dan syarat yang tersendiri jadi kita kena ikut.
- NR : **Pada pendapat Tuan, apa persiapan yang penting yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang seni ini?**
- IK : Yang penting. Nombor satu minat. Mesti minat dahulu sebab kalau tidak minat buat apa pun tidak menjadi. Mesti minat lepas minat kena praktikal -- ikuti secara – praktikal. kalau minat melukis minat dahulu kemudian kena melukis. Jadi – bukan lukisan sahaja maksud saya, seperti yang saya sentuh tadi kalau nak [hendak] berjaya mesti kena minat dahulu lepas itu kena terus berusaha dan berusaha lagi secara praktikal . Dia kena pergi *above the ordinary* sebab kalau tidak kita jatuh *ordinary* [biasa] juga. Yang berjaya itu di atas. Tidak kisah bidang apa pun. Kalau duduk biasa, biasa *lah*. Kalau pergi *interview* [ temuduga ] payah [ susah] *lah* nak [hendak] pilih sebab biasa semua cuba kita buat sesuatu yang *extraordinary* [ luar biasa]. Apa yang nak [ hendak ] buat bagi jadi *extraordinary* [ luar biasa] Itu kena fikir sendiri –kalau boleh tunjuk yang *extraordinary* [ luar biasa] itu la kejayaan

yang melebihi pada orang lain. Sama bidang cik sendiri ka bidang saya ka (ketawa).

**NR** : **Apakah bentuk latihan yang sesuai diberikan kepada mereka yang ingin**

**berkecimpung dalam bidang seni lukisan ini?**

**IK** : Latihan yang sesuai? Kategori mana? Kategori budak sekolah ka? kategori nak [hendak menjadi artis ka ?

**NR** : Pelajar universiti

**IK** : Yang bukan bidang melukis. *So* [jadi] begitu juga kita kena cari jalan untuk minat juga. Kena minat dahulu lepas minat ini, zaman sekarang zaman teknologi bila minat semua benda-benda ini sentuh *ja* [ sahaja] dah dapat informasi, boleh *Google* (cari maklumat di Google). Nak[ hendak] tengok cara melukis semua tu [itu] semua boleh *Google* (merujuk kepada carian informasi di *google*). Kalau kata nak [ hendak] belajar pun ada *belako* [ semua] nak [ hendak] belajar apa, boleh buang buku tapi [ tetapi] tak [ tidak] boleh buang lagi *lah* setakat ini. Tapi [ tetapi ] kita nak [ hendak ] ke arah *paperless* [penggunaan tanpa kertas]. Tapi [ tetapi ] kalau kita nak [ hendak ] informasi. Kata kita nak [hendak] cat air. kita google (cari infoemasi di internet) cari sapa yang terkenal dengan cat air. Keluar dia. Tengok contoh dia dari segi macam [ seperti] mana. Dia terus tunjuk. Jadi banyak jalan untuk kita memahami sesuatu subjek.

**AR** : **Tuan nak tanya tuan ada *Facebook* ka *Instagram* ka?**

**IK** : *Facebook* ada --- tengok situ (sambil menunjuk ke arah kertas) (ketawa)

## TAMAT BAHAGIAN 5

## **BAHAGIAN 6: SUMBANGAN/ ANUGERAH**

**AR : Seterusnya, sepanjang encik jadi pelukis apakah pencapaian atau anugerah yang paling besar encik pernah dapat?**

**IK :** Anugerah - - kena *check* [periksa] balik (membelek kertas). Anugerah terakhir yang dapat ialah kerajaan negeri Kelantan telah melantik - - - (menunjukkan sijil di atas almari). Sijil rakan strategik, Kerajaan negeri kelantan telah melantik galeri saya ini [Galeri Seni Ismail Kadir] sebagai rakan strategik dalam merealisasikan misi dan visi pihak perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Jadi daripada yang lain-lain, yang ini lah paling bermakna.

**AR : Apakah sumbangan encik dalam PESENI?**

**IK :** Sumbangan dalam PESENI ini ialah saya lamalah [sudah lama] menjadi AJK [ Ahli Jawatankuasa], saya tidak ingat pada tahun bila tapi sudah 20 tahun menjadi AJK dan kemudian menjadi YDP PESENI. Menjadikan saya sentiasa memimpin PESENI dengan AJK yang lain.

**AR : Apakah perasaan encik bila dapat mengajar orang dan diberi peluang untuk mengajar orang ramai dalam bidang seni?**

**IK :** Saya lama berkecimpung dalam persatuan [PESENI] sudah menjadi satu misi persatuan ini untuk menyebarkan dan menaikkan taraf seni ini tidak kira siapa yang minat. Jadi siapa yg berminat, kita bersedia untuk menyokong dan membantu untuk dia berjaya dalam bidang seni. Kalau dia berjaya kita akan gembira kerana kita berpesatuan. Kalau orang berlawan lain pula, kalau awak berjaya saya tidak gembira sebab awak berjaya kena saya berjaya dahulu baru saya gembira. Persatuan ini kalau semua berjaya lagi gembira itu konsep berpesatuan.

- AR** : **Apakah pencapaian atau target lain yang encik inginkan?**
- IK** : Saya rasa- - supaya lebih berjaya lagi dalam seni. Biar lagi dikenali peringkat antarabangsa terutamanya kerana tahap tak tinggi kerana tak dapat berlawan di peringkat tertinggi. Hasrat untuk ada nama di peringkat antarabangsa. Nama saya mungkin ada lebih kurang tapi tidak sampai lagi tahap idola antarabangsa dan bukan hasrat kita untuk menjadi idola tapi tahap untuk mengetahui kemahiran kita itu untuk menjadi kukuh. Apabila kita memang betul-betul bagus, orang akan hormat kita tidak kira *local* [tempatan] atau antarabangsa seperti kita menghormati pelukis-pelukis lain juga sedangkan kita tidak kenal rapat tetapi kita tahu dia perlu dihormati tinggi tahap ketinggian dia. Jadi kita juga berhasrat. Ini bukan soal dengki dan kita bukan berhasad dengki tetapi soal memberi penghormatan kepada yang berhak dihormati. Itu dalam dunia seni, orang siapa dan duduk dimana, kita tidak kira orang itu bagus kita akan hormati dia. Dan dia pun diterima jaga oleh antarabangsa yang lain kerana bukan sorang [seorang] yang sokong boleh menaikkan dia maknanya ramai yang menyokong dia terutamanya semasa pertandingan peringkat antarabangsa. Kerana juri bukan dari satu tempat tapi berpuluh negara. Ataupun salah satu persatuan yang sudah ada nama AWS [American Watercolor Society] dia sudah ada nama beratus tahun sudah. Dia boleh memberi keahlian dengan syarat orang itu sampai ke tahap itu. Nak masuk ke situ [merujuk kepada AWS] pun payah [susah]. Jadi orang yang sudah sampai situ memang kita tabik [hormat] kerana title [gelaran] yang diiktiraf. Jadi mereka boleh tulis AWS selepas nama mereka. Jadi orang akan tahu siapa. Dalam fotografi pun ada juga. Saya rasa dalam *architect* [arkitek] juga ada. Ada dalam suatu-suatu institusi yang diiktiraf oleh dunia, ekor nama [panggilan nama] dia tu ada.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: SUMBANGAN/ ANUGERAH**

**AR : Seterusnya, sepanjang encik jadi pelukis apakah pencapaian atau anugerah yang paling besar encik pernah dapat?**

**IK :** Anugerah - kena *check* [periksa] balik (membelek kertas). Anugerah terakhirnya yang dapat ialah kerajaan negeri Kelantan telah melantik - - - (menunjukkan sijil di atas almari). Sijil rakan strategik. Kerajaan negeri Kelantan telah melantik galeri saya ini [Galeri Seni Ismail Kadir] sebagai rakan strategik dalam merealisasikan misi dan visi pihak perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Jadi daripada yang lain-lain, yang tu lah paling bermakna.

**AR : Apakah sumbangan encik dalam PESENI?**

**IK :** Sumbangan dalam PESENI ini ialah saya lamalah [sudah lama] menjadi AJK [ Ahli Jawatankuasa], saya tidak ingat pada tahun bila tapi sudah 20 tahun menjadi AJK dan kemudian menjadi YDP PESENI. Menjadikan saya sentiasa memimpin PESENI dengan AJK-AJK yang lain.

**AR : Apakah perasaan encik bila dapat mengajar orang dan diberi peluang untuk mengajar orang ramai dalam bidang seni sebab ada bengkel-bengkel?**

**IK :** Saya sebab lama berkecimpung dalam persatuan [PESENI] sudah menjadi satu misi persatuan ini untuk menyebar dan menaik taraf seni ini tidak kira siapa yang minat. Jadi siapa yg berminat, kita bersedia untuk menyokong dan membantu untuk dia berjaya dalam bidang seni. Kalau dia berjaya kita akan gembira kerana kita berpersatuan. Kalau orang berlawan lain pula, kalau awak berjaya saya tidak gembira sebab awak berjaya kena saya berjaya dahulu baru saya gembira. Persatuan ini kalau semua berjaya lagi gembira itu konsep berpersatuan.

**AR : Apakah pencapaian atau target lain yang encik inginkan?**

IK : Saya rasa- - supaya lebih berjaya lagi dalam seni?. Biar lagi dikenali di peringkat antarabangsa sebaiknya kerana apabila antarabangsa tak terkenal tahap tak tinggi sebab kita tak boleh berlawan dengan dunia antarabangsa. Dalam bidang apapun kita mesti lah berhasrat untuk ada nama di peringkat antarabangsa. Jadi nama saya mungkin ada lebih kurang tapi tidak sampai lagi tahap jadi idola antarabangsa dan bukan hasrat kita untuk menjadi idola tapi hasrat kita nak tahu tahap kemahiran kita itu untuk menjadi kukuh. Apabila kita memang betul-betul bagus, orang akan hormat, kita tidak kira *local* [tempatan] atau antarabangsa seperti kita menghormati pelukis-pelukis lain juga sedangkan kita tidak kenal rapat tetapi kita tahu dia perlu dihormati, tinggi tahap ketinggian dia. Jadi kita juga berhasrat. Kita tak boleh merasa dengki. Ini bukan soal dengki tetapi soal memberi penghormatan kepada yang berhak dihormati. Itu dalam dunia seni, orang siapa dan duduk dimana, kita tidak kira orang itu bagus kita akan hormati dia. Dan dia pun diterima jaga oleh antarabangsa yang lain kerana bukan sorang [seorang] yang sokong boleh boleh menaikkan dia maknanya ramai yang menyokong dia terutamanya semasa pertandingan antarabangsa katakan. Kerana juri bukan dari satu tempat tapi berpuluh negara jadi juri. Ataupun salah satu persatuan yang sudah ada nama AWS [American Watercolor Society] dia sudah ada nama beratus tahun sudah. Dia boleh memberi keahlian dengan syarat-syarat orang itu sampai ke tahap itu. Nak masuk ke situ [merujuk kepada AWS] pun payah [susah]. Jadi orang yang sudah sampai situ memang kita tabik [hormat] kerana title [gelaran] yang diiktiraf. Jadi selepas namamereka boleh menulis AWS. Jadi orang akan tahu ini siapa. Dalam fotografi pun ada juga. Saya rasa dalam *architect* [arkitek] juga ada. Ada dalam suatu-suatu institusi yang diiktiraf oleh dunia, ekor nama [panggilan nama] dia tu ada.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## BAHAGIAN 7: HARAPAN

**AR** : **Akhir sekali, apakah nasihat encik kepada masyarakat supaya lebih menghargai bidang seni?**

NR : Nasihat ke?

AR : Pandangan ke?

IK : Kena peka dengan inilah - - banyak kita dah [sudah] terlampau kepada materialistik dan terlupa kepada seni dan pihak-pihak yang bertanggung jawab seperti kerajaan dan sebagainya terlupa dan banyak tempat terlupa kepada kelebihan seni. Sedang kita tengok kalau budak-budak peringkat pra-sekolah, kita mengajar mereka melukis dahulu. Dia belajar melukis. Selepas masuk bila tingkatan satu [1], dua [2] dan tiga [3] pula tak ada dan hilang. Tetapi kalau nak masuk arkitek kena pulok [pula], apakah kelulusan art awak sebab nak buat *art* [seni] tidak boleh terima *art* [seni] sebagai subjek. Jadi ada sesuatu tertinggal di situ. Tengah tu kosong tidak ada apa, tak boleh terima pun art ni sebagai satu subjek penting. Apabila sampai peringkat nak buat *design* [reka bentuk], mereka memerlukan art. Kesenambungan kena sama-sama perhati dan ambil kira daripada kalangan masyarakat dan kerajaan perlu diambil kira. Kerana akhir sekali kita tak duduk dalam materialistik. Kita kena duduk dalam seni juga kerana ada kesenian dia [ada kebaikan dia]. Setiap benda seni dan tidak seni kita nampak. Sekiranya hilangnya seni hilangnya satu keindahan.

**AR** : **Apakah harapan encik kepada generasi muda**

IK : Harapan kepada generasi muda - - payah [susah] nak cerita generasi muda minat apa - -. Peluang ada dalam seni tapi tidak semudahnya. Sepanjang saya tengok memang berat untuk naik [mencapai] daripada taraf biasa orang biasa begitu payah [susah] jadi ramai pelukis dia lemah dan belum sempat dia naik lagi dia dah mengaku [putus asa]. Dah [kerana] dia tak mendapat duit, setahun tak dapat buat duit jadi dia dia nak makan



apa. Kalau dia gi [pergi] kerja, dia boleh mendapat seribu atau dua ribu [RM] sebulan. Kalau buat seni, nak jual kat [dekat] siapa. Orang akan tengok hasil kerja yang bagus. So [jadi] benda tu kena fikir, bila betul-betul nak kena serius mengikuti perkembangan dan sebagainya. Jadi orang muda ni betul-betul nak, betul-betul minat dan berjuang. Sebab kejayaan itu ada dimana-mana bukan dalam seni sahaja.

NR : Dengan tamatnya soalan kita ikut tadi maka tamatlah sesi temubual kita tentang pengalaman Tuan Ismail Kadir dalam bidang seni lukisan ini. Jadi kami ucapkan ribuan terima kasih atas kesudian dan kerjasama tuan yang diberikan untuk menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil wawancara ini dapat menyumbang kepada perkembangan dan perkongsian ilmu yang berguna dalam bidang seni lukisan untuk masa hadapan.

IK : Terima kasih kembali.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

# **LOG WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

Aisyah Radhiah Binti Mohamad Azri dan Nur Ratihah binti Ramzi telah menemubual Encik Ismail Bin Kadir seorang pelukis yang dilahirkan pada tahun 1952 di Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dijalankan pada 5 Januari 2023 pada jam 5:10 petang sehingga 6:30 petang, mengenai latar belakang, pengalaman, anugerah dan sumbangan beliau sepanjang berada di dalam bidang seni lukisan.

### BAHAGIAN PENGENALAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.01	Sesi pengenalan	Aisyah Radhiah Binti Mohamad Azri UiTM Machang

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
01:00 - 01:53	Sesi pengenalan diri Encik Ismail Bin Kadir	Ismail Bin Abdul Kadir 785, Kampung Paya Rambai, Jalan Bayam, Kota Bharu Kelantan. Berumur 71 tahun Dilahirkan pada 1952 Kota Bharu
01:58 - 02:29	Tokoh menceritakan tentang hobi beliau pada masa sekarang.	Berkebun seperti menanam sayur-sayuran
02:35 - 03:17	Tokoh menceritakan tentang cita-cita beliau.	Ingin bekerja kerajaan menyatakan bahawa beliau sejak dari kecil meminati seni
03:20 - 04:01	Tokoh menceritakan tentang ibu bapa beliau.	Ibu bernama Fatimah Binti Mamat Suri rumah

		Bapa bernama Abdul Kadir Membuat rumah
04:03 - 04:21	Tokoh menceritakan tentang adik beradik beliau.	Anak bongsu daripada 3 orang adik-beradik Kesemuanya lelaki Bekerja sebagai guru dan majlis perbandaran
04:30 - 5:10	Tokoh menceritakan tentang isteri beliau.	Berkahwin pada 2021 Isteri merupakan orang Kemboja Suri rumah Berumur 47 tahun
05:15 - 06:03	Tokoh menceritakan tentang anak-anak beliau.	Mempunyai dua orang anak tiri Sulung berumur 21 tahun dan sudah bekerja Bongsu masih bersekolah di tingkatan dua Menyatakan bahawa anak-anak beliau kurang meminati seni
06:11 - 06:38	Tokoh menceritakan bagaimana beliau membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya.	Masa dibahagikan sama rata antara kerjaya dengan keluarga

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
06:46 - 07:52	Latar belakang pendidikan tokoh	Islah English School Sekolah Menengah Rendah Kota Bharu Kolej Sultan Ismail Sijil Pelajaran Malaysia pada 1969 Tingkatan 6 di UiTM
08:06 - 08:58	Tokoh menceritakan tentang kenangan yang tidak dapat dilupakan semasa persekolahan	Selepas peperiksaan SPM, beliau bersama-sama kawan pergi ke Kuala Lumpur menaiki motosikal
09:06 - 09:50	Tokoh menceritakan pengalaman selepas menamatkan pengajian di	Menjadi guru sementara menyambung pelajaran di USM dalam

	UiTM	bidang seni kreatif
09:53 - 11:01	Tokoh menceritakan tentang pengalaman beliau semasa melanjutkan pengajian di universiti.	Pernah menjadi ketua Diberi peluang untuk melukis mural untuk muzium USM yang bertemakan Perak Men dan mendapat upahan.
11:03 - 11:04	Tokoh menyatakan tahun beliau menamatkan pengajian di universiti	1994

### BAHAGIAN 3: KERJAYA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
11:26 - 12:17	Tokoh menyatakan nama sekolah yang pernah beliau mengajar semasa berkerja sebagai cikgu sementara	Beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Chicha Menyabung di Selising
13:10 - 13:40	Tokoh menceritakan mengapa beliau meminati seni lukisan dan keistimewaannya.	Beliau sering mengikuti rakan rakan yang meminati seni semasa universiti
14:14 - 14:47	Tokoh menyatakan kemahiran yang diperoleh beliau selain melukis.	Beliau mahir dalam berkebun dan bercucuk tanam juga.

### BAHAGIAN 4: MENGENAI BIDANG SENI

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
17:57 - 18:30	Tokoh menyatakan medium lukisan yang gemar beliau hasilkan	Beliau boleh melukis lukisan pelbagai medium tetapi lebih gemar menggunakan medium cat air
21:23 - 23: 35	Tokoh menceritakan lukisan kegemaran beliau yang mempunyai sejarah disebaliknya.	lukisan Jati KASTAM Kelantan yang menunjukkan suasana tahun 50'an
24:20 - 24:32	Tokoh menceritakan lukisan yang termahal yang pernah dijual.	Lukisan potret Tun Dr. Mahathir yang bernilai RM 38,000

## BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN DALAM SENI

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
35:30- 36:26	Tokoh menceritakan pengalaman beliau menyertai pameran seni di luar negara.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pameran Malaysia Week London</li> <li>● Pameran di banyak negara seperti China, Itali, India dan Taiwan</li> </ul>
36:39 - 37:18	Tokoh menceritakan pengalaman menyertai Pameran Malaysia Week of London.	Beliau dipilih melalui kerajaan Malaysia, Balai Seni Negara dan oleh beberapa artis .
37:30 - 38 -07	Tokoh menceritakan Pengalam beliau menyertai pameran tempatan.	menyertai pameran tempatan bersama ahli-ahli Gabungan Persatuan Pelukis Se Malaysia (Gap's)
41:21 - 42: 15	Tokoh menyatakan lukisan potret lain yang pernah dihasilkan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● lukisan Menteri Leo Moggie</li> <li>● lukisan Tan Sri Anuar Musa</li> <li>● lukisan Tun Abdullah Badawi dan isteri</li> <li>● lukisan Permaisuri Sultan Brunei</li> <li>● lukisan Ketua Pengarah Kastam</li> </ul>
42:26 - 43:40	Tokoh menyatakan sejarah pertubuhan PESENI.	PESENI ditubuhkan tahun 1979 bermula dengan nama Persatuan Seni Rupa Kelantan.
45:42 - 46:37	Tokoh menceritakan pengalaman beliau menghadiri bengkel seni dan ceramah mengenai bidang seni lukisan dan pengalaman sebagai seorang juri	beliau banyak menyertai pameran tempatan dan antarabangsa. di China sebanyak 7 kali dan dipilih menjadi juri dalam International Watercolour Society.
46:50 - 47:13	Tokoh menceritakan dimana karya beliau sering dipamerkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Balai Seni Negara</li> <li>● Galeri seni beliau (Galeri Seni Lukis Ismail Kadir)</li> <li>● Museum Melaka</li> <li>● Museum Teranganu</li> </ul>

## BAHAGIAN 6: SUMBANGAN/ ANUGERAH

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
52:06 - 53:27	Tokoh menceritakan tentang pencapaian yang paling bermakna pernah beliau dapat.	Galeri beliau iaitu Galeri Seni Ismail Kadir menjadi rakan strategik dalam merealisasikan misi dan visi pihak perbadanan Muzium Negeri Kelantan
53:34 - 54:08	Tokoh menceritakan tentang pengalaman beliau di dalam PESENI.	Beliau sudah 20 tahun menjadi AJK PESENI sebelum dilantik menjadi Yang Di-Pertua dalam PESENI
54:21 - 55:12	Tokoh menceritakan tentang perasaan beliau kerana diberi peluang untuk mengajar orang ramai berkaitan seni lukisan.	Beliau bersedia untuk memberi sokongan dan sedia membantu mereka yang meminati seni. Berasa gembira sekiranya orang didalam persatuan berjaya.
55:22 - 58:58	Tokoh menceritakan tentang pencapaian atau target beliau pada masa hadapan.	Beliau berhasrat untuk lebih dikenali di peringkat antarabangsa. Untuk mengukur tahap kemahiran dalam bidang seni lukisan dan bukannya untuk bersaing Menurutnya, orang akan lebih menghormati sekiranya kemahiran serta lukisan kita bagus AWS [American Watercolor Society] merupakan satu persatuan yang cukup dikenali di peringkat antarabangsa

#### BAHAGIAN 7: HARAPAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
59:05 - 1:01:25	Tokoh memberikan nasihat beliau kepada masyarakat	Pihak kerajaan dan pihak bertanggungjawab yang lain sering lupa akan kebaikan seni. Seni penting dalam kehidupan. Pihak kerajaan hendaklah memandang serius terhadap kepentingan seni
1:01:34 - 1:03:04	Tokoh menyatakan harapan beliau terhadap generasi muda yang mahu memilih pelukis sebagai kerjaya.	Menurutnya untuk sampai ke tahap yang tinggi bukan mudah Ramai pelukis mudah berputus asa di

		tengah jalan kerana bukan mudah untuk memilih pelukis sebagai kerjaya. Mereka mestilah serius dan kuat untuk terus berjaya
1:03:05 - 1:03:44	Penutup sesi temubual	Nur Ratihah Binti Ramzi UiTM Machang



# LAMPIRAN

## Lampiran 1 – Diary Kajian

### DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	PERKARA / TINDAKAN
17 Oktober 2022	2:00 pm – 3.30 pm	<ul style="list-style-type: none"><li>● Pengenalan kursus oleh pensyarah</li><li>● Pemilihan rakan untuk kajian (berpasangan)</li></ul>
19 Oktober 2022	11:30 pm	<ul style="list-style-type: none"><li>● Pemilihan tokoh seniman veteran untuk di temubual</li></ul>
6 November 2022	12:00 pm	<ul style="list-style-type: none"><li>● Menghantar abstrak mengenai tokoh untuk disemak oleh pensyarah</li></ul>
1 Desember 2022	2:00 pm	<ul style="list-style-type: none"><li>● Menghubungi tokoh untuk bertanyakan mengenai temubual</li></ul>
5 Desember 2022	3:00 pm – 5:00 pm	<ul style="list-style-type: none"><li>● Berbincang dan Menyiapkan soalan untuk ditanya kepada tokoh</li></ul>
8 December 2022	2:00 pm	<ul style="list-style-type: none"><li>● Menghantar soalan kepada pensyarah untuk disemak</li></ul>

